

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

SOALAN

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapakah negara Malaysia mengalami penurunan dalam Indeks Kebahagiaan Dunia pada tahun 2019 dan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tenggara, ingin saya menegaskan di sini bahawa, keputusan Indeks Kebahagiaan Dunia tahun 2019 adalah berdasarkan sampel responden yang diambil bermula tahun 2016 hingga 2018 iaitu sebanyak 1,000 sampel setahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenggara jua, terdapat 6 aspek yang diukur dan diambil kira dalam menentukan Indeks Kebahagiaan Dunia iaitu:-

- 1) Pendapatan KDNK per kapita (*GDP per capita*);
- 2) Kebebasan (*freedom*);
- 3) Sokongan sosial (*social support*);
- 4) Jangka hayat yang sihat (*healthy life expectancy*);
- 5) Kelakuan murah hati (*generosity*); dan
- 6) Ketiadaan Rasuah (*absence of corruption*).

NO. SOALAN : 56

Sekiranya diteliti mengikut 6 aspek yang diukur, terdapat 3 aspek yang menunjukkan penurunan kedudukan Malaysia iaitu:-

- 1) Aspek pemurah hati (*generosity*) dari kedudukan 18 pada tahun 2018 telah menurun menyebabkan Malaysia berada di kedudukan ke 27 pada tahun 2019;
- 2) Aspek sokongan sosial dari kedudukan 78 pada tahun 2018 melonjak jatuh ke kedudukan 97 pada tahun 2019; dan
- 3) Aspek rasuah dari kedudukan 98 pada tahun 2018 juga mengalami kejatuhan ke kedudukan 137 pada tahun 2019.

Secara umum, keputusan dari Laporan Kebahagiaan Sedunia 2019 yang mengambil kira data responden 3 tahun kebelakang iaitu dari tahun 2016 hingga 2018 adalah dipengaruhi oleh pencapaian rendah oleh 3 aspek seperti dinyatakan di atas.

Justeru, Kerajaan kini prihatin dan memandang serius perkara ini dan akan berusaha memperbaiki segala kelemahan yang lalu berteraskan slogan Malaysia Bersih Harapan Kita. Saya percaya, dengan komitmen semua pihak, kedudukan negara dalam Indeks Kebahagiaan Dunia akan dapat ditingkatkan setanding dengan negara maju lain.

Bagi memastikan peningkatan kedudukan Indeks Kebahagiaan Dunia ini juga, semua pihak berkepentingan seperti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang perseorangan haruslah mengembeling segala usaha untuk memastikan kualiti hidup dapat ditingkatkan bagi melahirkan masyarakat yang sihat fizikal dan mental.

Sekian, terima kasih.